

BAB 2 DAKWAH ISLAMIAH

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang dakwah Islamiah melalui definisi-definisi secara bahasa dan istilah bagi menampakkan dakwah dengan mendasar dan jelas. Bab ini juga membincangkan golongan yang sepatutnya memikul tanggungjawab dakwah ini sehingga menghasilkan pandangan yang terang di bahu siapakah dakwah ini dipikulkan sebenarnya. Seterusnya menyentuh pula berkenaan metode, asas-asas, medium dan yang terakhir penulis juga akan menyentuh institusi dakwah. Bab ini merupakan bab terpenting kerana menjadi landasan teori kajian ini.

2.2 Pengertian Dakwah

Dari sudut bahasa, kalimat dakwah berasal daripada lafaz perkataan bahasa Arab iaitu, “دَعْوَةٌ يَدْعُوْدَعَى”. Perkataan “دَعْوَةٌ” adalah istilah yang dikembangkan dari kalimat “دَعَى” yang bermaksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil dan menyeru.¹

D'ā, da'wan, wa da'watan, menuntut dengan sesuatu untuk hadir atau mendekat.²

Di dalam *Ensiklopedia Islam* menyebut makna dakwah adalah setiap usaha dan aktiviti yang bersifat menyeru, mengajak dan memanggil orang untuk beriman

¹ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Lubnān, t.t.), 2: 257-261

² Ibrahim Unais et al., *al-Mu'jam al-Wasīf* (cet. ke-2, Tehran-Iran, t.t., 1972), 1:286

dan taat kepada Allah S.W.T selari dengan ruang lingkup akidah, syariat dan akhlak Islamiah.³

Perkataan dakwah berasal dari kalimat Arab *da‘ā yad‘ū* yang bermaksud seruan, panggilan, imbauan, undangan atau jemputan.⁴ Menurut ‘Abd al-‘Azīz ialah meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung.⁵

Jum‘ah Amin mengertikan dakwah adalah sebagai *al-nidā’* yang bermaksud memanggil. Juga sebagai menyeru atau mendorong pada sesuatu. Seterusnya beliau melanjutkan bahawa dakwah ialah usaha sama ada dengan perkataan atau perbuatan untuk menarik manusia ke sesuatu mazhab atau agama.⁶

Taufik al-Wa’iy menyatakan bahawa dakwah merupakan sebuah upaya merubah atau menjaga sasaran dakwah untuk berpihak kepada pendakwah melalui ucapan dan perbuatan.⁷

Daripada apa yang dikemukakan di atas menunjukkan maksud dakwah dari pengertian bahasa adalah merujuk kepada usaha mengajak atau menyeru ke suatu arah dan ianya semata-mata menyeru. Dengan pengertian bahasa ini, makna dakwah sangat umum tanpa arah dan halatuju yang terperinci. Oleh yang demikian kita melihat ada istilah seruan untuk berjimat cermat, seruan untuk berwaspada daripada penipuan jual beli maya. Terdapat juga istilah undangan ke majlis persandingan, akikah, jemputan

³ Van Hoeve, *Ensiklopedia Islam* (cet. ke-3, Jakarta: PT Ichtiar Baru,1994), 1: 280

⁴ Wan Muhammad Bin Wan Muhammad Ali, *Pedoman Da‘wah Islamiyyah* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar,1985), 2

⁵ ‘Abd al-‘Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya,1997), 1

⁶ Jum‘ah Amin ‘Abd al-‘Aziz, *Al-Da‘wah, Qawā‘d wa Uṣūl*, terj. Abdul Salam Masykur (Solo: Gema Islami Press,1997), 22-23

⁷ Taufik al-Wā’iy, *Dakwah Ke Jalan Allah Muatan, Sarana dan Tujuan*, terj. Muhith M. Ishaq (Jakarta: Robbani Press, 2010), 12

merasmikan majlis dan berbagai lagi. Istilah-istilah ini adalah benar dalam pengertian dakwah secara bahasa yang bermaksud seruan, jemputan dan undangan.

Dari sudut istilah pula, ‘Abd al-Karim Zaidān menyatakan bahawa dakwah adalah menyeru kepada agama Allah S.W.T iaitu agama Islam.⁸ Dakwah adalah ajakan atau seruan membawa umat manusia kepada jalan yang benar.⁹ Dakwah adalah mengajak orang lain untuk meyakini dan mengamalkan aqidah dan syariat Islam yang terlebih dahulu diyakini dan diamalkan oleh pendakwah sendiri.¹⁰

‘Abd al-‘Azīz menyatakan dakwah ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredhaan Allah S.W.T.¹¹ Ia juga merupakan tanggungjawab bersama setiap individu dan merupakan seruan yang menuntut manusia menerima kebajikan manusia, menghormati nilai kemanusiaan dan menghayati kesempurnaan tuntutan naluri manusia.¹²

Dari hujah-hujah dan pendapat di atas dapat dirumuskan bahawa dakwah adalah usaha mengajak dan menyeru manusia kepada agama Islam, mengubah kebatilan kepada kebenaran, keingkaran kepada ketaatan keluar dari kegelapan kesesatan untuk menuju cahaya Islam yang terang benderang secara zahir atau pun batin. Pengertian menurut istilah ini membezakan dakwah Islamiah daripada dakwah-dakwah secara bahasa seperti yang dinyatakan di atas. Dakwah Islamiah pula berbeza

⁸ *Op. Cit*, Zaidān, 5

⁹ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta: Pustaka Panjimas, jilid 13-14, 1983), 321

¹⁰ A. Hasjmy, *Dustur Da‘wah Menurut Al-quran* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1974), 28

¹¹ *Op.Cit*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah*, 2

¹² Berhanuddin Abdullah, “Pengurusan Dakwah Dalam Menangani Gejala Sosial,” dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Md. Sham et al. (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2000), 143

daripada dakwah-dakwah yang lainnya kerana ia menyeru, mengajak dan menjemput manusia kepada agama Allah SWT bukan agama lain.

Daripada apa yang disaksikan dalam kenyataan sekarang ini, terdapat ajakan dan seruan kepada berbagai keyakinan dan aliran seperti ajakan kepada semangat nasionalisme, seruan kepada agama Kristian, seruan kepada aliran menyimpang seperti Rasul Melayu, Tuhan Harun, Kerajaan Langit Ayah Pin dan sebagainya adalah berbeza daripada dakwah Islamiah. Dakwah-dakwah ini membawa manusia kepada kesesatan sedangkan dakwah Islamiah membawa manusia kepada Allah SWT dan merupakan dakwah yang benar.

Dengan ini, pengertian dakwah menurut Istilah menjadikan mudah untuk memahami dakwah dan mudah pula untuk melaksanakannya. Seterusnya penulis akan menyentuh beberapa sub-judul tentang keperluan dakwah bagi manusia dan pihak yang sepatutnya memikul tugas dakwah ini. Pada hemat penulis keseluruhan sub-judul ini akan membentuk gambaran tentang keutamaan dakwah dan penglibatan setiap Muslimin dan Muslimat dalam dakwah yang memiliki signifikan yang tersendiri.

2.3 Dakwah Sebuah Keperluan Bagi Manusia

Dakwah merupakan misi utama Allah S.W.T mengutus para nabi dan rasul kepada seluruh manusia. Pada hakikatnya manusia sangat memerlukan dakwah kerana dakwah mengembalikan penyembahan manusia kepada haluan yang betul iaitu kepada

agama Allah S.W.T sahaja sebagaimana yang sabit dari ayat 56 Surah *al-Zāriāt* mengenai penciptaan jin dan manusia untuk menyembah Allah.¹³

Dari paparan perjalanan hidup manusia, berlaku penyimpangan dari kebenaran terutamanya setelah kewafatan nabi mereka. Perkara ini menyebabkan tidak ada pihak yang mengingatkan mereka tentang tanggungjawab agama, hukum hakam dan akhlak mulia, akhirnya kehidupan mereka tersasar dari kebenaran. Oleh yang demikian ketika penyimpangan tersebut berada pada kemuncaknya, Allah mengutus nabi atau rasul untuk menyeru mereka supaya kembali kepada agama Allah yang fitrah.¹⁴

Tradisi penyimpangan yang berlaku pada zaman silam berlanjutan dan merebak ke zaman yang berikutnya tetapi berbeza dari segi pola dan corak. Penyimpangan tersebut adalah bersesuaian mengikut zaman dan tempat ianya berlaku.

Dalam kehidupan zaman sekarang menyaksikan manusia telah mengalami perubahan dari kesolehan menjadi pelaku maksiat. Tidak sedikit dari kalangan umat Islam sekarang ini mengamalkan corak hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam bahkan ada yang meninggalkan tanggungjawab agama sama sekali. Perkara ini perlu diubah tetapi tidak ada kesanggupan dari kalangan manusia untuk melakukan perubahan terhadap mereka melainkan para pendakwah. Dakwah dan pendakwah diperlukan untuk menghentikan keadaan ini dan mengembalikan kesolehan.

Dakwah perlu disampaikan secara tepat dengan keperluan kumpulan sasaran kerana akan berjaya membawa perubahan pada mereka. Maka, di atas rasional ini menunjukkan dakwah adalah penting bagi manusia dan mesti digerakkan.¹⁵

¹³ M. Natsir, *Fiqhud Dakwah*, ed.ke-2 (Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, 1982), 29

¹⁴ Jāsim Bin Muḥammad Muḥalhil Al-Yāsīn, *Li al-Du'ā' Faqat Da'kwah Ikhwān* (Kuwait: Darul Al-Dakwah, 1986), 9

¹⁵ *Op. Cit.*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah*, 28

Begitu jelas sekali bahawa kedudukan dakwah dalam kehidupan umat Islam adalah penting lebih-lebih lagi umat yang tidak sempat melihat wajah nabi mereka dan mendapat bimbingan secara langsung daripada beliau. Secara analogi, dakwah boleh diibaratkan sebuah terapi dalam membawa umat Islam kepada kehidupan selari kehendak Allah S.W.T setelah berlakunya penyimpangan.

Dakwah Islamiah adalah panggilan ke jalan Allah merupakan salah satu tuntutan agama yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam.¹⁶ Tuntutan agama ini mengandungi keutamaan disebabkan dakwah merupakan satu keperluan bagi manusia seluruhnya bukan semata-mata atas kepentingan akhirat, tetapi juga atas kepentingan di dunia ini.¹⁷

Seterusnya penulis menyentuh berkenaan golongan yang sepatutnya membawa dan memikul tanggungjawab dakwah pada era setelah kewafatan para utusan Allah S.W.T dari kalangan nabi dan rasul.

2.4 Dakwah Adalah Tanggungjawab Semua

Beberapa persoalan besar yang sering didengar berkenaan dakwah iaitu: Siapakah yang berkewajipan melakukan dakwah? Apakah tanggungjawab ini terbatas hanya di atas bahu para ulama, atau kepada sesiapa sahaja? Bagaimana pula golongan yang bukan ulama, bolehkah mereka berdakwah? Persoalan-persoalan ini akan dijawab dengan menelusuri pendapat dan huraian berikut.

'Abd al-Karīm Zaidān menyebut berdakwah menyeru manusia kepada agama Allah merupakan kewajipan ke atas bahu dan pundak kaum muslimin yang

¹⁶ *Op. Cit.*, Zaidān, 108

¹⁷ *Op. Cit.*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah*, 7

sebelumnya diwajibkan ke atas para nabi dan rasul yang diutus oleh Allah S.W.T kepada setiap umat.¹⁸

A. Hasjmy yang menyatakan secara umumnya kefardhuan berdakwah adalah terletak ke atas bahu kaum Muslimin dan Muslimat. Namun, beliau meneruskan bahawa secara khusus pelaksanaan dakwah berbeza mengikut kesesuaian, kemampuan dan kepakaran masing-masing.¹⁹

Hasanuddin Abu Bakar pula menyebut bahawa dakwah menjadi kewajipan setiap Muslim dan Muslimat mengikut kesesuaian dan bidang masing-masing.²⁰

Dengan penjelasan di atas, jelaslah bahawa tanggungjawab dakwah terletak di atas bahu semua kaum Muslimin dan Muslimat melalui cabang dan kemampuan yang dimiliki oleh masing-masing. Kewajipan tersebut mestilah dilaksanakan oleh seluruh umat Islam tetapi dikhususkan kepada kalangan ulama apabila memasuki aspek-aspek yang spesifik seperti *syari'āt* Islam dan pelaksanaannya, ekonomi, politik, pendidikan, ibadat, hudud, dan akidah. Dalam pandangan umum, maka tugas menyeru dan mengajak manusia kepada agama Islam terletak di atas bahu sesiapa sahaja dari kalangan umat Islam.

Pada pendapat penulis, seandainya tanggungjawab menyampaikan dakwah dihadkan kepada golongan tertentu sahaja tentulah sukar dan berat kepada golongan tersebut. Perkara ini juga bertentangan dengan amalan dakwah yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW yang melibatkan para ramai sahabat seperti Abu Bakr al-Sidiq, 'Abd Raḥmān bin 'Auf yang merupakan ahli perniagaan. Abū Zar al-Ghifāri,

¹⁸ *Op. Cit.*, Zaidān, 308

¹⁹ *Op. Cit.*, Hasjmy, 71

²⁰ Hasanuddin Abu Bakar, *Meningkatkan Mutu Dakwah* (Jakarta: Media Dakwah, 1999), 3

Salman al-Fārisiy dan Bilāl bin Rabbah yang merupakan golongan pendatang, Umar al-Khatāb seorang pemuka Quraisy yang terhormat, Ali bin Abu Thālib seorang dan Muṣ‘ab bin Umair dari kalangan anak muda. Mereka ini bukanlah dari golongan ulama dalam erti bukanlah golongan elit agama tetapi manusia biasa dan mereka berdakwah kepada manusia.

Analisa di atas diperkuat lagi dengan sabda Rasulullah S.A.W. yang menyatakan bahawa tanggungjawab dakwah menyampaikan kebenaran, mencegah kemungkaran terletak diatas bahu sesiapa sahaja dari kalangan orang beriman. Sabda baginda;

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ عَنْ ابْنِ ثَوْبَانَ هُوَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ ثَابِتِ بْنِ ثَوْبَانَ عَنْ
حَسَّانَ بْنِ عَطِيَّةَ عَنْ أَبِي كَبِشَةَ السُّلُولِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً وَحَدَّثُوا عَنْ نَبِيِّ إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: Muhammad bin Yahya menceritakan kepada kami, Muhamrnad bin Yusuf menceritakan kepada kami, dari Ibnu Tsauban dari Abdurrahman bin Tsabit bin Tsauban—, dari Hassan bin Athiyah. dari Abu Kaisyah As-Saluli, dari Abdullah bin Amru. ia berkata. Rasulullah SAW bersabda, "Sampaikan (ajaran) dariku meski hanya satu ayat. Sampaikanlah berita dari kaum bani Israil, dan itu tidak ada dosa (bagi kalian). Siapa saja yang berdusta atas namaku secara sengaja, maka hendaklah ia menyiapkan tempat duduknya di neraka."²¹

²¹ Hadith riwayat al-Tirmidzi, Kitab Ilmu, Bab Bani Israel Sunan al-Tirmidzi, no. Hadith 2669, yang ditashihkan oleh Naṣirudin al-Albani, , *Shahih: Ar-Raudh An-nadhir* (582) dan *Takhrij Al Ilmi li Abu Khaitsamah* (45/119); Abu Isa berkata, "Hadits ini *hasan shahih*." Muhammad bin Basyar menceritakan kepada kami, Abu Ashim menceritakan kepada kami, dari Al Auza'i, dari Hassan bin Athiyyah, dari Abu Kabsyah As-Saluli, dari Abdullah bin Amr, dari Rasulullah dengan hadits yang sama. *Shahih*.

Dari hadith memberi maksud bahawa tiada pembatasan kepada golongan tertentu untuk menyampaikan apa-apa yang datang dari Nabi Muhammad SAW. Apa yang datang dari Nabi Muhammad SAW sudah semestinya ajaran agama yang perlu disampaikan kepada manusia. Kata-kata nabi : “...*Sampaikan dariku meski hanya satu ayat...*” menjelaskan sesiapa sahaja boleh menyampaikan ajaran tersebut. Dengan ini memperkuat lagi bahawa tanggungjawab dakwah adalah terletak kepada semua Muslim dan Muslimat walaupun perkara yang disampaikan itu adalah sedikit.

Di dalam sabda baginda yang lain Nabi ada menyatakan ;

فَقَالَ أَبُو سَعِيدٍ أَمَا هَذَا فَقَدْ قَضَى مَا عَلَيْهِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ رَأَى
مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُعَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أضعفُ الإِيمَانِ

Terjemahan: Barangsiapa yang melihat kemungkaran hendaklah beliau mengubahnya dengan tangannya, seandainya beliau tidak mampu hendaklah dengan lisannya dan seandainya tidak mampu hendaklah dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman.²²

Abdul Rahman Ya'kub melibat diri dalam dakwah kerana ia adalah tanggungjawab setiap Muslim sebagaimana dibentangkan sebelum ini. Tokoh ini melibatkan diri dalam dakwah dan mengetuainya sedangkan beliau bukanlah ulama dan bukanlah berkelulusan agama secara formal. Tokoh ini juga berjaya memecah tradisi dalam amalan dakwah di Sarawak kerana sebelum ini gerakan mengembangkan agama Ialam dilakukan oleh golongan ulama sejak dari awal lagi.

Satu perkara yang penting dikemukakan di sini adalah kejayaan tokoh ini membuka dimensi gerakan dakwah daripada gerakan secara individu kepada gerakan secara kolektif dan menubuhkan organisasi untuk tujuan tersebut.

²² *Ṣaḥīḥ Muslim bi al-Syrah al-Imām al-Nawaawi* (Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, Jilid 1, tt), 50

Tokoh ini sebenarnya telah mendapat didikan agama daripada ayahnya sendiri sejak dari kecil lagi sehingga beliau mampu membantu ayahnya mengendalikan kelas mengaji al-Qurān pada usia mudanya. Penulis berpendapat bahawa tokoh ini seorang yang berkeyakinan tinggi dan mengamalkan ilmu yang diterimanya. Apa yang diajarkan oleh ayah beliau telah menyerap ke dalam tubuhnya menjadi kekuatan dalaman kepada beliau dan menganggap ayahnya menjadi model yang baik. Dalam konteks yang lebih luas tokoh ini menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai modelnya disebabkan ajaran agama Islam yang diajarkan oleh ayah beliau datang dari Nabi Muhammad SAW.

Menurut Albert Bandura dalam teori pembelajaran sosial menyebut role model sebagai elemen kuat yang boleh membentuk seseorang sebagaimana yang dimiliki oleh model tersebut.²³

Jadi penulis berpendapat tidak hairanlah Abdul Rahman Ya'kub mempunyai semangat keagamaan yang kuat kerana bercermin dari model-modelnya.

Menyentuh mengenai isi kandungan dakwah, diantaranya adalah mencegah kemungkaran. Oleh yang demikian hadith ini juga dapat difahami kewajipan mencegah kemungkaran melalui jalan dakwah terletak di atas bahu sesiapa sahaja dari kalangan Muslimin dan Muslimat berdasarkan kalimat : *...Barang siapa yang melihat kemungkaran, hendaklah merubahnya dengan tangan...*

Secara umumnya, tiada agama dan ajaran kerohanian yang menyokong kemungkaran, sebaliknya berusaha untuk mencegahnya kerana ia bertentangan

²³ Abdullah Hassan, *Berdakwah Dengan Efektif : Teori dan Teknik Moden Menolong Perubahan Tingkah Laku* (Batu Caves Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2007), 20

dengan fitrah manusia yang normal. Oleh yang demikian semua bentuk kemungkarannya wajib dicegah dan sekiranya dibiarkan akan merebak sehingga sukar untuk ditangani.

Tokoh ini berazam kuat dan bertekad tinggi untuk melakukan perubahan terutamanya kepada umat Islam kerana masih banyak yang melakukan perkara-perkara yang salah sama ada dari sudut amalan agama, tingkah laku buruk, perpecahan, pendidikan dan sebagainya melalui jalan dakwah.²⁴

Pakar motivasi menyebut semua teori motivasi mempunyai objektif yang sama iaitu untuk menerangkan sebab manusia melakukan apa yang mereka lakukan dan percaya semua kelakuan manusia mempunyai sebab. Oleh itu, matlamat tersebut menjadikan manusia melakukan perkara itu secara berulang-ulang atau berterusan.²⁵

Tokoh ini bertekad merubah keadaan umat Islam di Sarawak dari berbagai lapisan dan peringkat umur kerana masyarakat yang baik dan berpendidikan dapat diharap membawa pembangunan dan kemajuan untuk Negeri Sarawak.²⁶

Penulis telah mampu mencungkil landasan dan asas terhadap penglibatan tokoh ini dalam dakwah dan membawa dua hujah-hujah di atas yang menjadi teori dakwah terhadap tokoh ini.

Setelah menelusuri dalil-dalil di atas dapat disimpulkan bahawa dakwah merupakan kewajipan setiap orang Islam tanpa mengira status dan kedudukan mereka sama ada guru, pegawai, penuntut, pemandu, menteri, petani atau sesiapa sahaja. Penulis berpandangan bahawa memang sewajarnya umat Islam mengambil peranan aktif dalam dakwah bagi membendung gejala yang merosakkan daripada berlaku

²⁴ *Op. Cit.*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual

²⁵ *Op. Cit.*, Hassan, 4

²⁶ "Sepuluh Tahun BINA", FNM, 1979, video

kepada umat Islam dewasa ini. Sikap mengambil ringan terhadap tanggungjawab ini atau meninggalkannya sama sekali, akan mencetuskan impak negatif yang besar dan meruntun kesolehan umat Islam tanpa mengira di mana mereka berada.

Oleh itu kerja dakwah mesti dilestarikan dengan mengambil kira aspek-aspek rasa tanggungjawab, kewangan, pra-sarana, dan metode bagi menghasilkan dakwah yang dinamik, terkini dan tepat. Metode atau cara pelaksanaan sesuatu kerja adalah penting kerana akan mempengaruhi hasil yang diperolehi. Oleh yang demikian penulis akan membahas tentang metode dakwah kerana merupakan segmen yang penting dalam menghasilkan dakwah yang berkesan.

2.5 Metode Dakwah

Metode adalah cara melakukan sesuatu atau sistem.²⁷ Ia berasal dari Bahasa Inggeris (*method*) yang bererti sistem, aturan atau kaedah.²⁸ Ia juga merupakan proses keilmuan untuk memperoleh pengetahuan secara sistematik berdasarkan bukti fizikal.²⁹

Di dalam kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary* mendefinisikan *method* sebagai *a particular way of doing something* iaitu cara tertentu melakukan sesuatu.³⁰

²⁷ *Kamus Dewan Edisi Baru* (cet. Ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 826, entri "metode."

²⁸ *Op. Cit*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah*, 75

²⁹ Pengertian-metode- Ilmiah, <http://ami26chan.wordpress.com/2011/03/3//> , dicapai 15 Mac 2012

³⁰ A S Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, Sally Wehmeier *et.al* (Ed.) (UK: Oxford University Press, 2005), 925

Selanjutnya metode merupakan satu disiplin yang dibuat bagi menggapai sesuatu matlamat yang dikehendaki. Ia merupakan pengaturan khusus secara keilmuan yang tinggi mencakupi di dalamnya logika yang kemas.³¹

Dari definisi-definisi di atas memberikan makna bahawa metode bermaksud cara atau sistem dalam melaksanakan sesuatu tugas atau fungsi. Jika digabungkan metode dengan dakwah bermaksud cara atau sistem, kaedah dan pendekatan sistematik dalam menyampaikan dakwah.

Dengan cara dan kaedah yang betul dalam menyampaikan dakwah kepada kumpulan sasar, akan membantu mempermudah tercapainya objektif dan matlamat dakwah. Ini menunjukkan kedudukan metode dakwah sangat penting dalam mencipta peluang-peluang yang besar dalam menakluki sasaran dakwah.

Terdapat sebuah lagi istilah yang sangat hampir dengan metode dakwah, iaitu metodologi dakwah sedangkan keduanya mempunyai sedikit perbezaan. Metodologi dakwah adalah studi mengenai cara dan kaedah berdakwah yang baik untuk mendapatkan hasil yang tepat manakala metode dakwah adalah cara menyampaikan dakwah.³²

Perbincangan mengenai metode dakwah amat luas, dinamik dan bersifat mutakhir atau kontemporari. Penggunaan metode dalam dakwah merupakan tradisi para nabi dan rasul yang diutus oleh Allah S.W.T sebagaimana dakwah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. kepada kaum kafir *Quraysh* di Mekah dan di Madinah berjalan di atas metode dakwah yang baik. Dengan itu, dakwah Nabi Muhammad S.A.W diterima dan berbondong-bondong dari kalangan kafir *Quraysh*

³¹ Mohd. Ismail *et.al*, "Pemetaan Dakwah di Negeri Johor: Kajian Lokasi, Metodologi & Pengaplikasiannya di Skudai, Kulai, Pasir Gudang dan Johor Bahru" (Kajian, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti teknologi Malaysia, 2006), 10-11

³² *Op. Cit*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah*, 75-76

memeluk agama Islam, bahkan juga dari kalangan masyarakat luar Semenanjung Arab juga menerima Islam.³³

Dari pengamatan penulis, sebahagian besar ulama dakwah yang membincangkan mengenai metode dakwah berpaksi daripada ayat 125 Surah *al-Nahl*. Daripada ayat tersebut, tersurat tiga asas utama metode dakwah iaitu metode hikmah, metode nasihat yang baik dan metode dialog yang perlu diberi keutamaan oleh para pendakwah yang melakukan dakwah.³⁴

Firman Allah S.W.T;

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

al-Nahl (16): 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Menurut M. Natsir, ketiga-tiga asas ini adalah petunjuk-petunjuk pokok dakwah yang diamalkan oleh para rasul dan para pendakwah yang akan berdakwah.³⁵ Penulis akan memperincikan ketiga-tiga asas berkenaan pada huraian-huraian selanjutnya.

³³ ‘Abd al-‘Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2001), vii

³⁴ *Op. Cit*, Mohd. Zin et. al, *Dakwah Islam Di Malaysia*, 98

³⁵ *Op. Cit*, M. Natsir, 158

2.5.1 Hikmah (*Al-Ḥikmah*)

Ibnu Jarīr menyebut mengenai firman di atas : “...*serulah ke jalan Tuhanmu (Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan...*”, sebagaimana dunnukkan oleh Ibnu Kathīr dalam tafsirnya iaitu Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW menyeru manusia kepada apa yang telah diturunkan Allah kepadanya daripada kitab al-Qurān dan sunah.³⁶

Ibnu Jarīr memberikan maksud *ḥikmah* adalah kitab al-Qurān yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW iaitu kitab pegangan orang Islam sebagai panduan hidup dan kitab tersebut tiada mengandungi keraguan di dalamnya. Kemudian beliau juga menggandingkan kitab al-Qurān dengan sunah iaitu sesuatu yang datangnya dari Nabi Muhammad SAW sendiri dalam rangkuman erti *ḥikmah*.

Menurut Hamka dalam Tafsirnya al-Azhar pula menyebut ;

...hikmah adalah kebijaksanaan iaitu dengan secara bijaksana, akal budi yang mulia, dada yang lapang dan hati yang bersih menarik perhatian orang kepada agama atau kepada kepercayaan kepada tuhan. Kata-kata hikmat itu kadang-kadang diartikan orang dengan filsafat [falsafah]. Padahal dia adalah inti yang lebih halus dari filsafat. Filsafat hanya dapat difahamkan oleh orang-orang yang terlatih fikirannya dan tinggi pendapat logiknya. Tetapi hikmah dapat menarik orang yang belum maju kecerdasannya dan tidak dapat dibantah oleh orang yang lebih pintar. Kebijaksanaan itu bukan sahaja dengan mulut, melainkan termasuk juga dengan tindakan dan sikap hidup. Kadang-kadang lebih berhikmah diam daripada berkata...³⁷

M. Natsir menyebut hikmah adalah lebih dari sekadar ilmu semata-mata. Ia merupakan ilmu yang sihat yang akan membawa faedah pada

³⁶ Ibnu Kathīr, *Tafsir Ibnu Kathir*, Jilid 4, (Lubnān, Beirūt: Al-Andalus, 1983), 235

³⁷ *Op. Cit.*, Hamka, 321

akhirnya. Manakala dalam kaitannya dengan dakwah, ia sebuah kebijaksanaan untuk melakukan suatu tindakan yang efektif dan termasuk di dalamnya adalah mengenali golongan sasaran dakwah oleh pendakwah untuk mengadakan sebuah persembahan dakwah yang menepati keadaan mereka.³⁸

Pandangan serta pendapat para ahli tafsir dan ulama dakwah mengenai hikmah seperti *al-Nawāwi* menyatakan bahawa hikmah adalah hujah yang *qat'iy* yang dapat menghasilkan akidah yang meyakinkan. Manakala *al-Naisabūri* menafsirkan hikmah sebagai hujah yang *qat'iy* yang dapat menghasilkan keyakinan. Manakala *al-Baidhawi* dan *al-Khazin* mengertikan hikmah dengan ucapan yang tepat. Pendapat lain juga menyatakan hikmah adalah bijaksana, sebuah argumen yang tepat yang sukar untuk dibantah.³⁹

‘Abd al-‘Aziz menyebut hikmah adalah bijaksana iaitu bermaksud yang sesuai dengan keadaan, masa dan sasaran. Dalam hubungannya dengan dakwah, pendakwah hendaklah memerhatikan aspek-aspek di atas sebelum melakukan dakwah kepada mereka. Mungkin perlu dengan kelembutan dan belaian atau boleh jadi dengan ketegasan.⁴⁰ M. Natsir menambah kesesuaian pada tempat juga termasuk dalam cakupan hikmah dalam dakwah.⁴¹

Daripada pendapat dan pandangan di atas dapat dirumuskan bahawa hikmah adalah sebuah argumen atau hujah yang sukar untuk dibantah, sebaliknya memberi kesan yang sangat meyakinkan dan sangat rasional

³⁸ *Op. Cit*, M. Natsir, 163

³⁹ <http://keyakinanperjuangan.blogspot.com> , dicapai 25 Oktober 2012.

⁴⁰ *Op.Cit*, Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 8

⁴¹ *Op.Cit* M. Natsir, 163

bersumberkan *al-Qurān* dan sunah. Dengan ini, dalam aspek metode dakwah, hikmah merupakan satu persembahan dakwah yang bijaksana, mantap, menyeluruh, bercirikan keaslian, tidak mencampurkan kebenaran dengan kebatilan yang berpaksikan kepada bimbingan Allah melalui wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dan sunnah.

Seterusnya asas yang kedua iaitu nasihat yang baik atau sebagaimana disebut di dalam ayat sebagai *al-Mau'izah al-ḥasanah*.

2.5.2 Nasihat Yang Baik (*Al-Mau'izah Al-Ḥasanah*)

Al-Mau'izah Al-Ḥasanah adalah pengajaran yang baik atau pesan-pesan yang baik yang disampaikan sebagai nasihat, pendidikan dan bimbingan termasuk oleh ibubapa terhadap anak-anak mereka dengan memberi contoh dan tauladan yang baik kepada mereka.⁴²

Nasihat yang baik menurut Ibnu Jarīr adalah ucapan dan ungkapan yang mengandungi segala kebaikan dan kemesraan.⁴³

Menurut Kamus Lengkap, nasihat adalah ajaran, petunjuk, pendapat berkenaan dengan apa yang hendak dibuat atau bagaimana berkelakuan atau melakukan diri.⁴⁴

Nasihat adalah nama terbitan dari kalimat bahasa Arab *naṣaḥa* yang bermaksud ikhlas dan bersih, ia juga bermakna seruan yang mengandungi kebaikan dan pencegahan daripada sesuatu yang fasad.⁴⁵

⁴² *Op.Cit.*, Hamka, 321

⁴³ *Op.Cit.*, Ibnu Kathīr, 225

⁴⁴ Awang Sudjai Hairul *et al.*, *Kamus Lengkap* (cet. pertama, Petaling Jaya: Pustaka Zaman, 1977), 723, entri “nasihat.”

⁴⁵ *Al-Munjid Fī al-Lughah* (Cet. 26) 818, entri “*al-naṣiḥah*”

Nasihat merupakan ungkapan dan susunan kata-kata yang mengandung kebaikan dan manusia sentiasa mengamalkan nasihat menasihati antara satu sama lain dalam rangka mencapai kebaikan. Nasihat yang baik adalah upaya untuk mencapai sebuah tujuan berpunca daripada sebuah kepincangan atau kesalahan yang berlaku pada manusia. Melalui nasihat, kesalahan tersebut dapat diluruskan kembali, bahkan menjadi lebih elok daripada sebelumnya.

Nasihat adalah dalam kategori ucapan yang positif yang berkesan memberi impak positif kepada penerima nasihat. Ucapan yang positif berupaya memberi ransangan positif kepada penerima nasihat untuk akur pada nasihat.⁴⁶ Budaya nasihat menasihati dalam Islam adalah amalan para nabi utusan Allah S.W.T untuk mencantas penyimpangan yang berlaku.

Nabi Muhammad S.A.W ada bersabda;

عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدِّينُ النَّصِيحَةُ

قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Terjemahan : “Agama adalah nasihat”: mereka bertanya: “bagi siapa wahai Rasulullah?” Nabi meneruskan dengan bersabda: “Untuk Allah, untuk Rasul-Nya, pemimpin orang Muslimin dan kepada manusia umumnya.”⁴⁷

⁴⁶ *Op. Cit* , Hassan,6-8

⁴⁷ *Ṣaḥīḥ Muslim bi al-Syrah al-Imām al-Nawāwī* (Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, Jilid 2, tt),
37

Ḥadīth di atas menunjukkan kedudukan nasihat dalam Islam adalah penting dan disarankan untuk diamalkan oleh orang Islam sama ada dari kalangan orang biasa dan pemimpin. *Ḥadīth* ini juga menjadi dalil *syarī'i* bahawa nasihat bukanlah amalan tambahan yang di ada-adakan yang tiada sandarannya tetapi bersumber dari ucapan Nabi Muhammad SAW.

Paparan sejarah dakwah yang berlaku menampakkan aktiviti dakwah yang dilakukan oleh para nabi dipenuhi dengan nasihat. Kemudian golongan ulama juga menggunakan kaedah nasihat dalam usaha memperbaiki masyarakatnya dan membawa mereka kembali kepada kebenaran.

Sebagai contoh, Luqmān al-Ḥakīm menasihati anaknya supaya menghindar daripada perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T agar terselamat dari murka dan azab Allah S.W.T di akhirat kelak. Seterusnya beliau melanjutkan nasihat tentang hubungan seorang anak dengan ibubapa yang telah mengandung dan membesarkan mereka. Nilai-nilai akhlak, akidah dan ibadah diselitkan dalam nasihat yang diberikan sebagaimana terdapat dalam Surah *Luqmān* ayat 13 dan 14.

Secara umumnya manusia sukar menerima hakikat akan kelemahan yang dimiliki sehingga perlu dinasihati kerana secara tersirat, didalam sebuah nasihat adalah wujudnya jurang di antara pemberi nasihat dengan pihak yang menerima nasihat. Namun begitu sekiranya nasihat tersebut mampu disampaikan dengan cara yang baik dan diucapkan dengan perkataan yang betul akan menyediakan keadaan yang selesa bagi pihak yang diberi nasihat untuk akur dan menerima nasihat tersebut. Nasihat adalah mudah

sekiranya dari atas menurun ke bawah, maksudnya nasihat seorang ayah kepada anak atau seorang ketua kepada bawahannya.⁴⁸ Nasihat yang datang dari bawah atau dari anak kepada ayah, atau dari kakitangan kepada ketua adalah sukar diterima melainkan setelah melalui proses yang panjang.

Oleh itu, nasihat adalah salah satu cara yang sangat berkesan dalam penyampaian dakwah dan para pendakwah perlulah menguasai berberapa amalan yang berkaitan dengan hidup dan budaya manusia sebelum mengemukakan sebuah nasihat kepada sasaran dakwah. Ini adalah disebabkan kemungkinan pihak yang dinasihati memberi respon yang tidak baik atau menyanggah apa yang dinasihati oleh pendakwah sehingga berlakunya dialog atau debat antara keduanya. Dialog adalah sesuatu yang sihat sekiranya ianya berlaku dalam keadaan yang baik. Oleh itu pada perbincangan seterusnya, penulis menyentuh asas metode dakwah yang ketiga iaitu dialog.

2.5.3 Dialog (*Al-Jidāl*)

Ibnu Jarir memberi maksud *al-jidāl* adalah berdialog dengan mereka dengan baik, lemah-lembut dan perkataan yang lunak dan hormat.⁴⁹

Al-jidāl adalah berbantahan dengan cara yang lebih baik yang juga dikenali dengan istilah polimik, bertukar fikiran dengan menfokuskan kepada pokok persoalan dan mengeneipkan emosi dan persoalan peribadi bagi yang terlibat.⁵⁰

⁴⁸ M.Z Azmie, *Pengurusan dari Perspektif Solat* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2000), 31-36

⁴⁹ *Op.Cit.*, Ibnu Kathīr, 227

⁵⁰ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta: Pustaka Panjimas, jilid 13-14, 1983), 321

Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW berdialog dengan sebaik-baik jalan dialog terhadap mereka yang dihadapi dalam dakwah dan bagi yang menyerang atau menentang secara kekerasan maka dialog dengan mereka menggunakan pedang.⁵¹

Dialog adalah pembicaraan, perbualan, percakapan, pertukaran pendapat dan soal jawab. Berdialog adalah bercakap, berborak, bersembang, berbual, berbahas, berdebat, bertukar-tukar pendapat dan bertanya jawab.⁵²

Dialog yang berlaku di antara manusia biasanya sebuah proses untuk memperkukuhkan hujah dan dalam rangka menolak hujah dari pihak lain. Hujah yang diperolehi melalui jalan dialog adalah sebuah hujah yang kukuh dan mempunyai tunjang yang dalam pula. Dialog yang baik dan betul akan menghasilkan kesan yang baik juga kepada peserta dialog serta komitmen yang mendalam.

Seorang pendebat terkenal iaitu Ahmad Deedat yang berasal dari Afrika Selatan⁵³ telah banyak melakukan dialog atau debat dengan berbagai tokoh agama sama ada Kristian, Hindu di beberapa buah negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dengan berbagai tajuk dan tema. Beliau telah mendapat anugerah dari Raja Faisal Arab Saudi pada tahun 1986.⁵⁴

Beberapa nabi melakukan dialog dan berdebat kepada kumpulan sasaran seperti yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim A.S kepada masyarakatnya dan

⁵¹ Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtār, *Adhwā' al-Bayān* (t.t.mpt.: *Matba' al-Madaniy, juzu' al-thālist*, 1967), 351

⁵² Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu* (Cetakan Pertama, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1995) 435, entri "dialog."

⁵³ Ahmad Deedat, *The Choice Volume 1&2 Debat Islam & Kristian*, (Selangor: Brilliant Publication, 2012), 4

⁵⁴ "Ahmad Deedat", http://en.wikipedia.org/wiki/Ahmed_Deedat, dicapai 20 Ogos 2014

raja mereka sebagaimana diilustrasikan Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 258.

Oleh itu, dialog adalah cara tersendiri yang boleh memberikan impak yang besar kepada pihak yang terlibat. Dengan demikian, dialog adalah amat baik digunakan dalam dakwah.

Rajah 2.1 : Asas Metode Dakwah dari Surah al-Nahl 125

Seruan Dakwah	Metode		
Serulah (manusia) kepada agama tuhanmu (Islam)	Dkmah iaitu bijaksana	Dengan Nasihat yang baik	Dengan dialog yang berkesan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Perintah melakukan dakwah secara umum ke atas bahu setiap Muslim dan Muslimat. 2. Matlamat seruan dakwah adalah jelas kepada agama Allah iaitu Islam – matlamat atau kandungan dakwah akan dibincang pada pembahasan seterusnya 	Metode dakwah yang digunakan berkait rapat dengan kumpulan sasaran yang dihadapi iaitu golongan yang berilmu, golongan awam dan golongan yang suka berdialog – pada perbincangan selanjutnya akan disentuh kumpulan-kumpulan sasaran berkenaan.		

2.5.4 Analisa Asas Metode Dakwah

Daripada tiga asas metode dakwah yang telah dinyatakan di atas, dapat dibuat analisa bahawa setiap kumpulan sasaran dakwah mempunyai metode yang tersendiri. Tidak semua metode sesuai digunakan kepada semua golongan secara berterusan tetapi setiap kumpulan sasaran sesuai didekati dengan metode tertentu.

Terdapat segolongan manusia yang cerdas atau pandai yang dihadapi dalam dakwah. Mereka ini mempunyai kemampuan yang tinggi dalam memahami ilmu hanya memerlukan sedikit sindiran atau ransangan untuk memahami isyarat-isyarat dakwah yang disampaikan. Oleh itu, golongan ini sesuai didekati dengan metode hikmah. Kemudian golongan manusia yang perlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang lebih lanjut daripada pendakwah sesuai didekati dengan nasihat yang baik *al-mau'izah al-ḥasanah*. Manakala terdapat golongan manusia yang suka berdialog, bersoal jawab bahkan berdebat yang dihadapi dalam dakwah. Para pendakwah boleh mendekati golongan ini dengan metode dialog dan pendakwah hendaklah berkemampuan mengendalikan dialog supaya berjalan dengan baik dan tidak terjadi sikap membabi buta atau melampau-lampau yang tidak membawa kebaikan kepada kedua-dua belah pihak.⁵⁵

Allah memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk menyeru manusia kepada kebenaran dan bersabar terhadap tindak balas yang buruk dari mereka tanpa melampaui batas apabila membalasnya kerana Allah SWT sentiasa bersama dengan kebenaran yang dibawa.⁵⁶

Demikianlah kesimpulan yang dapat dikemukakan berkenaan asas metode dakwah yang dicungkil dari ayat 125 Surah *al-Nahl*. Terdapat beberapa lagi metode yang disebut di dalam al-Qur'an seperti *al-tarḥīb*, *al-targhrīb*, pujukan, menghilangkan syubhat, penanaman akidah dan beberapa

⁵⁵ *Op. Cit.*, M. Natsir, 159

⁵⁶ Syed Qutb, *Fii Dzilaali al-Qurān* (Beirūt: Dār al-Syurūq, jilid 4, 1980), 2202

lagi yang lain.⁵⁷ Namun begitu penulis membataskan dan memberi fokus kepada tiga asas metode yang disebut di atas berdasarkan keperluan dan hubungkait ketiga-tiga metode tersebut dengan kajian ini.

Ketiga-tiga asas metode dakwah di atas amat penting dan relevan untuk setiap zaman kerana dakwah membawa manusia kepada jalan yang benar. Dakwah tidak sama dengan propaganda yang merupakan sebuah paksaan walaupun propaganda itu kadangkala adalah bahagian atau alat dari dakwah.⁵⁸

Bagi melanjutkan perbincangan berkaitan dakwah, penulis akan membincang berkenaan asas-asas dakwah pula yang merupakan perkara penting kepada dakwah. Asas-asas tersebut mempunyai keutamaan-keutamaan tersendiri dalam dakwah dan para pendakwah mestilah mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang perkara-perkara ini.

2.6 Asas-Asas Dakwah

Dakwah mempunyai asas-asas yang perlu diketahui dan difahami sebelum melakukan dakwah kepada manusia supaya teratur dan sistematik. Asas-asas itu adalah pendakwah, sasaran dakwah, isi kandungan dan medium. Asas-asas ini diambil dari al-Qur'an yang disebut di dalam beberapa surah. Ia adalah merupakan bimbingan dan panduan dari Allah swt.⁵⁹ Penulis akan membincangkan asas-asas tersebut pada huraian selanjutnya.

⁵⁷ *Op.Cit*, Taufik al-Wā'iy, 163-309

⁵⁸ *Op. Cit*, Hamka, 322

⁵⁹ *Op. Cit*, Zaidān, 5-6

2.6.1 Pendakwah

Asas yang pertama adalah pendakwah yang disebut *dā'ie* di dalam bahasa Arab. Pendakwah adalah pihak yang menyeru manusia ke jalan kebaikan dan Nabi Muhammad S.A.W adalah pendakwah yang pertama menyeru manusia kepada agama Allah swt. pada zaman beliau.⁶⁰

‘Abd al-‘Azīz menyatakan bahawa pendakwah adalah orang yang berusaha mengajak orang lain kepada Islam dengan cara-cara tertentu. Menurut beliau lagi, pendakwah hendaklah mempunyai bekalan dakwah yang mencukupi seperti ilmu tentang agama Islam, pengetahuan umum yang banyak, ilmu tentang sejarah, ilmu pengetahuan tentang mazhab-mazhab dalam Islam, realiti semasa, ilmu kemanusiaan dan *siyāsah*. Disamping itu pendakwah juga dituntut mempunyai hubungan yang kuat kepada Allah S.W.T serta mempunyai sifat-sifat mulia ataupun mempunyai ketinggian akhlak.⁶¹

Jāsim Bin Muḥammad pula menerangkan bahawa pendakwah adalah penyeru manusia dari kesesatan kepada petunjuk Allah, dari kesedihan kepada kegembiraan, yang menghidupkan dengan kitab Allah mayat-mayat iaitu orang yang leka dan hanyut dalam kemungkarannya, yang memperlihatkan dengan kitab Allah orang yang buta iaitu orang yang tidak pernah melihat kebenaran itu sebagai kebenaran bahkan menafikannya.⁶²

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ *Op. Cit.*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 136

⁶² Jāsim Bin Muḥammad Muḥalhil Al-Yāsīn, *Li al-Du‘āt Faqat Da‘kwaḥ Ikhwān* (Kuwait: Darul Al-Dakwah, 1986), 10

Dari sini dapat difahami bahawa pendakwah adalah penyeru perubahan kepada sasaran dakwah supaya bertukar menjadi lebih Islami dan seruan ini sesuatu yang disyariatkan Allah. Selain daripada menyeru, pendakwah juga memastikan seruan kepada kebenaran dan pencegahan daripada yang mungkar berlaku di sekelilingnya. Seterusnya pendakwah juga mengajak agar berpegang kuat dengan agama Allah, menyediakan persekitaran yang Islami dan membimbing sasaran dakwah menjadikan seluruh kehidupannya benar.

Jum'ah Amin'Abd al-'Aziz menyebut bahawa pendakwah yang betul begitu penting dalam menyampaikan dakwah yang berkesan. Beliau juga menyebut adalah bahaya seorang pendakwah yang kurang memahami Islam yang menyampaikan dakwah atau pendakwah yang pandai bercakap tetapi tidak berilmu. Keadaan ini akan menjadikan salah faham berlaku kepada sasaran dakwah dan menjadi alasan kepada orang kafir semakin selesa dengan kekufuran mereka.⁶³

Oleh itu pendakwah adalah penting bagi menggerakkan dakwah berkesan, bukan sekadar bergerak tetapi gerakan yang mendapat keberkatan Allah sebagai pemilik dakwah dan dapat mencapai matlamat.

Sebagaimana disebut pada awal bab ini bahawa dakwah adalah tanggungjawab semua Muslimin dan Muslimat mengikut kemampuan dan bidang yang mereka kuasai. Dalam pengertian ini, Abdul Rahman Ya'kub telah menempatkan dirinya sebagai seorang yang memikul tanggungjawab

⁶³ *Op. Cit*, Amin 'Abd al-'Aziz, 60-61

dakwah. Tokoh ini juga berhasrat membawa perubahan terhadap umat Islam Sarawak supaya mempraktikkan Islam dengan lebih baik dalam hidup mereka sebagaimana pengertian perubahan yang akan dibawa oleh pendakwah dibahas di atas.

2.6.2 Sasaran Dakwah

Asas yang kedua adalah sasaran dakwah iaitu golongan manusia yang ditujukan seruan dakwah kepada mereka. Dalam hal ini, ‘Abd al-Karīm Zaidān menyebut bahawa sasaran dakwah adalah semua manusia. Mereka hendaklah diseru kepada agama Allah S.W.T dan disampaikan ajaran Islam yang sempurna. Kemudian beliau menyebut sasaran dakwah hendaklah sudah baligh, berakal tidak kira apa juga warganegaranya, warna kulitnya, status sosialnya, lelaki mahu pun perempuan.⁶⁴

‘Abd al-‘Āzīz pula menyatakan secara umumnya sasaran dakwah adalah manusia keseluruhannya dan mereka terbahagi kepada dua kumpulan iaitu golongan manusia yang sudah beragama Islam dan golongan yang bukan beragama Islam. Dalam pada itu masing-masing golongan mempunyai kompleksiti yang tersendiri.⁶⁵

Dari kenyataan di atas dapat difahami bahawa sasaran dakwah adalah seluruh manusia di mana juga mereka berada yang diseru kepada agama Allah. Perkara ini disebut oleh Allah S.W.T dalam Al-Quran dalam Surah *Al-A‘rāf* ayat yang ke 158 dan juga Surah Saba’ ayat 28 menyatakan bahawa

⁶⁴ *Op. Cit.*, Zaidān, 373

⁶⁵ *Op. Cit.*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 142

ajaran Nabi Muhammad SAW hendaklah disampaikan kepada seluruh manusia.

Menurut seorang penulis kitab dakwah iaitu Taufiq al-Wā'iy bahawa sasaran dakwah mempunyai banyak pintu hati yang boleh disentuh dan rahsia yang mendalam untuk diterokai oleh pendakwah. Ini menuntut para pendakwah agar memilih ungkapan yang benar, momentum yang sesuai, kondisi yang terpilih, sentuhan yang indah, argumen yang tepat serta situasi yang betul dalam mendekati sasaran dakwah.⁶⁶

Sasaran dakwah diibaratkan logam yang akan dibentuk dengan acuan dakwah dan sasaran dakwah mempunyai tabiat dan kesukaran yang tersendiri serta berbeza di antara satu dengan yang lain. Dakwah yang dijalankan hendaklah memiliki halatuju yang kuat, sistem yang teratur, pendekatan yang sesuai agar cabaran yang datang daripada sasaran dakwah dapat ditangani dengan baik.

Hasanuddin Abu Bakar menyatakan bahawa pada hakikatnya dakwah ditujukan kepada manusia sebagai individu dan sebagai masyarakat, tidak ada yang terlepas daripada menjadi sasaran dakwah sehingga mereka berpegang dengan kebenaran agama Allah dalam seumur hidup.⁶⁷

Dalam membincangkan dakwah di Sarawak, terdapat berbagai etnik yang menjadi sasaran dakwah seperti Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh, Cina, Kenyah, Penan, Kaya, Lun Bawang, Kelabit dan etnik-etnik yang lain. Tokoh ini berhadapan dengan berbagai kumpulan sasar dalam dakwah beliau dari

⁶⁶ *Op. Cit.*, al-Wā'iy, 21

⁶⁷ *OP. Cit.*, Abu Bakar, 1

kalangan manusia dan mereka terbahagi kepada dua iaitu golongan Muslim yang sedia ada dan golongan non-Muslim. Tokoh ini mensasarkan dakwah kepada golongan Muslim yang sedia ada kerana mereka telah hilang jati diri yang benar, mereka hidup dalam maksiat dan kefasikan. Manakala golongan non-Muslim pula adalah merupakan tanggungjawab menyebarkan hidayah kepada mereka agar menjadi orang Islam, terkeluar dari kesesatan dan kekufuran, justeru, menyebarkan rahmat dan kesejahteraan ke seluruh alam.

2.6.3 Isi kandungan Dakwah

Asas yang ketiga adalah isi kandungan atau intisari dakwah. Isi kandungan dakwah adalah agama Islam itu sendiri. Ajaran Islam membawa manusia kepada ajaran yang betul dari sudut keyakinan, ibadat, akhlak, urusan kenegaraan, undang-undang, urusan jual beli dan sebagainya. Oleh itu manusia diseru kepada agama Islam bukan kepada yang lain-lain. Apa-apa perkara yang bukan dari Islam hendaklah dijauhi dari seruan dakwah seperti impian atau cita-cita seseorang pemimpin, urusan yang bersifat kesukuan atau warna kulit, kesamaan ideologi, hawa nafsu dan sebagainya.⁶⁸

Semua nabi yang diutus Allah tidak menyeru manusia kecuali kepada tauhid serta ibadah yang benar kepada Allah. Sebuah firman Allah dalam Surah *Yūṣuf* ayat ke 108 menyebut seruan nabi Muhammad adalah kepada Allah S.W.T.

Menurut ‘Abd al-Karīm Zaidān kandungan dakwah adalah agama Islam iaitu agama yang didatangkan oleh Allah kepada Rasulullah S.A.W

⁶⁸ Ḥasan al-Banna, *Himpunan Risalah Imam Hasan al-Banna*, terj. Salehan Ayub (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2003), 21-22

melalui wahyu-wahyu untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Islam adalah agama yang terbina di atas rukun-rukun tersendiri, menyediakan sistem atau *minhāj* yang mengatur kehidupan manusia menjadi teratur dan harmoni.⁶⁹

Dakwah adalah seruan kepada jalan Allah bukannya kepada peribadi pendakwah atau kumpulannya. Pendakwah hanyalah berkewajipan menyeru kepada agama Allah SWT tidak boleh mengambil kesempatan dalam dakwah atau ke atas orang yang mendapat petunjuk dari dakwahnya kerana ganjaran adalah dari Allah SWT.⁷⁰

Seruan atau dakwah kepada selain Islam akan membawa kepada kesesatan serta kebinasaan dan seruan tersebut akan lenyap bersama lenyapnya pengasas seruan seperti peribadatan kepada Fir'aun, ideologi Karl Marx⁷¹, Stalin⁷² dan lain-lain lagi ideologi.

⁶⁹ *Op. Cit*, Zaidān, 7

⁷⁰ *Op. Cit*, Syed Qutb, 2202

⁷¹ Karl Marx lahir pada tahun 1818 di kota Trier Jerman merupakan pelopor utama gagasan sosialisme ilmiah. Pada usia 17 tahun Karl Marx menuntut di Universiti Bonn dalam bidang undang-undang mewarisi bidang ayahnya. Beliau berpindah ke Universiti Berlin sehingga mendapat Doktor Falsafah dalam ilmu falsafah di Universiti Jena. Pernah menceburkan diri dalam bidang jurnalistik dan menjadi redaktur akhbar *Rheinische Zeitung* di Cologne tetapi beliau amat meminati politik dan memiliki pemikiran yang radikal. Beliau pindah ke Paris dan bertemu dengan Friederich Engles dan menjadi sahabat karib hingga akhir hayatnya.

Marx tidak lama di Paris kerana diusir dan berpindah ke Brussel dan pada tahun 1847 beliau menerbitkan buah fikirannya buat kali pertama dalam bukunya yang berjudul *The poverty of philosophy* (Kemiskinan filsafat) dan pada tahun berikutnya beliau bekerjasama dengan Friederich Engles menerbitkan buku berjudul Communist Manifesto yang menjadi bacaan dunia. Setelah berlaku pengusiran kepada beliau, beliau pindah ke London menceburi bidang jurnalistik menulis tentang politik, ekonomi. Pada tahun 1867 beliau menerbitkan buku terkenal beliau iaitu *Das Kapital* yang merupakan karya terpenting - Micheal H. Hart, *The 100, a Ranking of the Most Influential Persons in History*, trjmh. H. Mahbub Djunaidi (Jakarta:Pustaka Kaya, 1982), 86-87

⁷² Stalin : Nama sebenar beliau adalah Iosif Vissarionovich Dzugashvili lahir pada tahun 1879 di kota Gori Gorgia di Kaukasus dan bahasa asalnya pun Gorgia yang jauh berbeza dengan bahasa Rusia. Beliau mempelajari bahasa Rusia tetapi apabila bercakap dalam bahasa Rusia masih kedengaran bahasa Gorgia. Dilahirkan dalam keluarga yang miskin, ayahnya adalah tukang sepatu yang gemar mabuk dan memukul anaknya. Ayahnya meninggal ketika Iosif Berumur 11 tahun. Beliau bersekolah di sekolah gereja di Gorgia dan pada usia belasan tahun beliau mempelajari teologi tetapi

Muhammad Nūr Hāfiz Su‘aid menyatakan dalam bukunya bahawa umat Islam sekarang hendaklah berpegang dengan ajaran Islam yang benar bersumberkan al-Qurān dan sunnah Nabi Muḥammad S.A.W. kerana umat terdahulu yang telah berjaya dalam dakwah, perjuangan dan hidup mereka kerana pegangan yang benar ini. Umat ini tidak akan berjaya melainkan mereka mengambil pegangan yang telah membawa kejayaan umat terdahulu.⁷³

Oleh yang demikian, seruan dakwah mestilah benar iaitu menuju kepada agama Allah. Hakikat ini telah ditunjukkan oleh para nabi dan rasul utusan Allah sepanjang zaman dakwah mereka. Seruan kepada selain Islam adalah penyimpangan yang membinasakan selama-lamanya.

Dalam temubual dengan penulis, tokoh ini menegaskan dakwah yang dilakukan oleh beliau adalah untuk membawa manusia kepada ajaran Islam yang benar, menentang ajaran dan amalan songsang yang sesat yang diamal oleh umat Islam. Beliau tidak membawa mereka kepada matlamat yang lain selain daripada Islam.

2.6.4 Medium Dakwah

dikeluarkan kerana dituduh menyebarkan pemikiran subversif. Beliau bergabung dengan Karl Marx bergerak secara bawah tanah dan pada tahun 1903 beliau memihak kepada kelompok Bolshevik dan menjadi ahli parti yang paling gigih. Beliau pernah ditahan tidak kurang dari 6 kali. Tahun 1922 beliau menjadi setiausaha Parti Komunis dan menggunakan kedudukan dan pengaruh itu untuk menuju puncak kekuasaan setelah Lenin meninggal dunia walaupun Lenin pernah berusaha untuk menyingkirnya kerana terlalu keras tetapi sudah terlambat. Stalin sangat bijak dan begitu berjaya dalam perebutan kuasa dengan memusnahkan pesaingnya. Pada tahun 1933, beliau pernah mengadakan perjanjian gencatan senjata dengan Hitler - Micheal H. Hart, *The 100, a Ranking of the Most Influential Persons in History*, trjmh. H. Mahbub Djunaidi (Jakarta:Pustaka Kaya, 1982), 313-316

⁷³ Muhammad Nur Hafiz Suaid, *Asas Membina Generasi Berkualiti*, terj. Siti Saujah bte Hj. Mashuri dan To‘at Amrullah bin Hj. T syarfi (cet. pertama, Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publication, 2010), 7

Asas yang keempat adalah medium dakwah iaitu merujuk kepada cara penyampaian dakwah. Terdapat berbagai cara menyampaikan dakwah dalam usaha menakluk sasaran dakwah. Medium dakwah juga dikenali dengan istilah *Waṣā'il Al-Da'wah* dan *Uslūb Al-Da'wah*.

Waṣā'il merupakan kata *jama'* dari kalimat *waṣīlah* yang bermaksud sesuatu yang dijadikan perantara untuk mendekat atau menuju kepada sesuatu yang lain.⁷⁴

'Abd al-Karīm Zaidān memberi takrifan *waṣā'il* adalah medium yang digunakan oleh pendakwah untuk menyampaikan dakwah bagi menghilangkan kekaburan tentang agama Allah S.W.T dan menerimanya.⁷⁵

Dari takrifan yang disebut di atas menunjukkan bahawa dakwah perlulah menggunakan medium yang banyak untuk menarik perhatian sasaran dakwah. Medium dakwah adalah prasarana yang dilibatkan dalam menyampaikan dakwah.

Sekiranya diperincikan, medium dakwah adalah seperti melalui kesenian, aktiviti, karya tulisan, pementasan, penyampaian dan bahkan hubungan peribadi juga termasuk dalam rangkuman medium dakwah. Terdapat sebuah lagi istilah iaitu *uṣlūb al-da'wah* iaitu *tools* yang digunakan dalam penyampaian dakwah tersebut seperti melalui nasyid, seni silat, pidato dan banyak lagi yang boleh digunakan. Jadi *waṣīlah* dan *uṣlūb* adalah berhampiran dan mempunyai sedikit sahaja perbezaan. *Waṣīlah* adalah

⁷⁴ *Op. Cit, al-Munjid Fī al-Lughah*, entri "waṣā'il" 900

⁷⁵ *Op. Cit, Zaidān*, 411

apakah medium yang dilibatkan dan *uṣlūb* pula adalah bagaimana dakwah itu dilakukan oleh pendakwah.⁷⁶

Setelah membincangkan asas-asas dakwah di atas menampakkan bahawa dakwah adalah tugas yang penting dan berat. Oleh itu dakwah dilakukan secara kolektif dan bukannya perseorangan. Disamping itu kerja dakwah secara kolektif ini merupakan tradisi yang diperolehi dari para nabi dan rasul yang berdakwah sebelum ini.

Dalam kajian ini akan membincangkan sumbangan-sumbangan dakwah oleh tokoh ini yang berjalan di atas medium dakwah yang berbagai bentuk dan akan dibincang seterusnya.

Di zaman moden ini, banyak ditemukan kaedah-kaedah yang boleh membantu manusia melaksanakan tugas mereka terutamanya bagi kerja yang sukar lagi mencabar. Dengan kaedah-kaedah tersebut, kerja-kerja disusun secara sistematik, efisien dan bermatlamat. Salah satu dari kaedah tersebut adalah melalui kaedah institusi. Dakwah perlu diinstitusikan agar lebih berwibawa serta berkesan dan tambahan pula tugas dakwah yang telah dilaksanakan oleh nabi-nabi terdahulu adalah secara kolektif seperti sebuah organisasi atau institusi sebagai mana yang disebut dalam firman Allah Surah Āli ‘Imrān ayat 104, Surah Yūsuf ayat 108 dan dalam Surah Al-Saf ayat 4.

Oleh itu, selanjutnya penulis akan membincangkan institusi dakwah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya supaya menampakkan kepentingan, hubungkait serta keutamaan dakwah secara institusi.

⁷⁶ *Op. Cit.*, Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 182

2.7 Institusi Dakwah

Dalam sub-judul ini penulis akan membincangkan mengenai institusi atau organisasi kerana ia berkait secara langsung dengan kajian ini. Tokoh ini mengetahui mengasaskan penubuhan sebuah institusi atau organisasi bagi memperkasakan lagi gerakan dakwah di Sarawak yang akhirnya meningkatkan perkembangan umat dan agama Islam di Sarawak.

Institusi sama dengan organisasi.⁷⁷ Organisasi diadakan kerana kerja yang hendak dilaksanakan tidak mampu dikerjakan secara bersendirian tetapi sebaliknya dilakukan secara beramai-ramai menerusi susunan personel dalam struktur yang solid dan membahagi-bahagikan tugas dan kerja kepada personel kemudian memantau pelaksanaan kerja tersebut supaya keseluruhannya bersepadu dan harmoni.⁷⁸

Ibn Khaldun menyebut bahawa manusia secara tabiinya hidup dalam *trend* kelompok yang berfungsi mengikut kesesuaian. Organisasi sosial manusia itu adalah suatu yang harus dan para ahli falsafah menyatakan "...manusia itu politikal secara semulajadinya...". Manusia tidak boleh hidup tanpa organisasi sosial dan tanpa kewujudan organisasi sosial keberadaan manusia tidak sempurna.⁷⁹

Kamus Dewan Edisi Baru memberikan takrifan institusi sebagai badan yang ditubuhkan untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu.⁸⁰

Institusi adalah pusat bagi mencapai sesuatu tujuan dan terdapat berbagai jenis tujuan yang dicapai melalui institusi yang ditubuhkan seperti untuk tujuan

⁷⁷ <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k> – tarikh capaian 13 Januari 2015

⁷⁸ James A.F Stoner, Charles Wanker, *Pengurusan Edisi Ketiga*, terj. Yaakob Ibrahim (Petaling Jaya: AMIZA, 1989), 292

⁷⁹ Dewan Bahasa Dan Pustaka, *Muqadimah Ibn Khaldun*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993), 1-3

⁸⁰ *Op. Cit*, *Kamus Dewan Edisi Baru*, 456, entri "institusi."

peribadatan, pendidikan, perekonomian, kemasyarakatan, kebajikan dan seumpamanya.⁸¹

Institusi merupakan sebuah susunan teratur dan kemas untuk melaksanakan sebuah gagasan atau tugas. Dari kekemasan dan susunan inilah dicorak langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil sehingga terlaksana dengan baik semua perancangan untuk mencapai matlamat. Manakala dari sudut yang melibatkan manusia pula, institusi memberi makna susunan personel dalam sebuah ikatan atau aspirasi dan mereka bekerja untuk mencapai matlamat yang telah digaris sebelumnya.⁸²

Berdasarkan definisi ini, tokoh ini telah mengambil langkah tepat dan penting apabila menubuhkan BINA pada tahun 1969. Tokoh ini melihat tanggungjawab dakwah di Sarawak sangat besar dan mustahil memikulnya secara bersendirian. Tokoh ini juga mempelajari perjalanan aktiviti agama semasa dan sebelum itu dalam skala yang rendah dan lebih bersifat perayaan-perayaan hari kebesaran Islam melalui perarakan, tilawah al-Qurān, zikir marhaban dan pembinaan masjid.⁸³

Aktiviti-aktiviti yang diadakan tidak menjurus kepada kesedaran atau peningkatan jati diri umat Islam dan kekurangan organisasi dakwah ketika itu menjadikan kerosakan keperibadian umat Islam kurang berjaya ditangani dengan berkesan. Walaupun Majlis Islam Sarawak (MIS) telah beroperasi sejak tahun 1955

⁸¹ Fadzilah Azni Ahmad, *Kaedah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam Di Malaysia* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2010), 6

⁸² Juanda Jaya, "Dakwah Islamiah Di Sarawak : Kajian Terhadap Pengurusan Dakwah Secara Organisasi" (tesis kedoktoran, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaya, Bangi, 2003), 2

⁸³ *Sarawak Makmur Dalam Malaysia*, "t.tp", 68

tetapi bidang kuasa badan ini terhad kepada urusan pernikahan, urusan haji umat Islam, fardhu 'ain dan kifayah.⁸⁴

Dengan rasionalisasi di atas, tokoh ini tampil membuka dimensi dakwah dengan menubuhkan organisasi yang dikenali Angkatan Nahdatul Islam Bersatu atau BINA apabila dibaca secara terbalik. BINA berganding bahu dan memperkasakan gerakan dakwah bersama MIS untuk menyebarkan dakwah ke seluruh Sarawak.

...Usaha dakwah Majlis Islam ini terutamanya sangatlah berjaya dengan bantuan sukarelawan-sukarelawan terutama dari BINA, 4,110 orang telah memeluk Islam hingga hujung tahun 1977. Sumbangan BINA sangatlah besar ertinya kepada usaha dakwah Majlis Islam...⁸⁵

Dari apa yang difahami melalui takrifan di atas bahawa organisasi atau institusi adalah sebuah gerakan yang melibatkan banyak manusia atau pihak untuk menuju kepada suatu arah dan matlamat yang disepakati bersama sebelumnya.

Dalam hubungn dengan dakwah, institusi dakwah adalah ibarat jentera yang digunakan untuk menggerakkan dakwah sama ada menggunakan istilah organisasi, jemaah, yayasan, persatuan, pusat pengajian dan sebagainya. Setiap ahli dari anggota organisasi akan menambah kekuatan anggota yang lain sehingga mencapai kesempurnaan.⁸⁶ Melakukan dakwah secara berinstitusi dan berkelompok adalah asas sebagaimana telah disebut pada dalil-dalil di dalam Al-Quran yang telah disentuh sebelumnya.

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid*

⁸⁶ *Op. Cit.*, Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 139

Dalam kajian ini, tokoh ini juga mengambil langkah mengistitusikan dakwah supaya menjadi kemas, bermatlamat dan berwibawa. Lantaran itu, dalam memerihalkan penubuhan organisasi dakwah BINA akan menampilkan asas-asas yang penting penubuhan organisasi tersebut dan perbincangan mengenai perkara ini akan dibawa kepada bab yang seterusnya..

2.8 Kesimpulan

Secara umumnya perbahasan bab kedua ini dapat disimpulkan bahawa tanggungjawab dakwah terletak kepada setiap Muslim dan Muslimat berdasarkan bidang dan kepakaran masing-masing. Penyampaian dakwah yang berkesan adalah penting memandangkan hasil yang akan diperolehi iaitu perubahan kepada sasaran dakwah. Disamping itu pendakwah itu mestilah mempunyai bekalan yang maksima untuk menyampaikan dakwah seperti ilmu pengetahuan tentang Islam, ilmu kemanusiaan, sains, sejarah, teknologi maklumat, seni, akhlak, *soft skills* dan seumpamanya.

Dalam kaitan dakwah di Sarawak menyaksikan pengalaman dakwah yang dinamik bahkan melibatkan aktor-aktor dakwah yang berwibawa. Mereka telah mengorbankan jiwa dan raga supaya dakwah di Sarawak tetap terus berjalan. Oleh itu serangkaian nama-nama besar dalam fail dakwah di Sarawak seperti Hakim Keramat, Syeikh Othman Abdul Wahab, Datu Mufti Haji Abdul Kadir Hassan dan tokoh ini.

Penulis mendapati terdapat hubungkait yang erat di antara perkembangan dakwah di Sarawak selepas merdeka dengan Tokoh ini yang memberi imej baru gerakan dakwah yang berkesan ketika itu iaitu dengan mengistitusikan dakwah. Oleh

itu, kajian seterusnya akan membincangkan Tokoh ini dengan memperinci latar belakang dan kerjaya beliau dalam rangka mengenali beliau dengan lebih mendalam.